

**KONSEP KENDIRI MURID DI SEKOLAH BANDAR DAN LUAR BANDAR,
SEKITAR DAERAH LIMBANG, SARAWAK**

YUSAIRY BIN YAHYA

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PSIKOLOGI)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2015

ABSTRACT

The purpose of this study was to observe self-concept pupil. In spite of that, the study was also to observe the self-concept pupil by two demography factors that are sex and location. This study also reveal the different self-concept by sex and location. This study used survey method. Data was collected quantitatively through the distribution of questionnaires *The Tennesse Self-Concept Scale (TSCS)* to 148 respondents. The result of study showed, no significant min difference self-concept among male and female pupil on value $t (-.182) = .856, p > .05$. However, the result showed that significant min self-concept among pupil in town and in village on value $t (5.072) = .000, p < .05$. It can be concluded all people should responsible to improve self-concept pupil in town and village.

**KONSEP KENDIRI MURID DI SEKOLAH BANDAR DAN SEKOLAH LUAR
BANDAR, SEKITAR DAERAH LIMBANG, SARAWAK**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat konsep diri murid. Di samping itu kajian ini turut bertujuan untuk melihat konsep diri murid berdasarkan dua faktor demografi iaitu jantina dan lokasi. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat perbezaan konsep diri murid berdasarkan jantina dan lokasi. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan pendekatan pengumpulan data secara kuantitatif melalui edaran soal selidik. Soal Selidik *The Tennessee Self-Concept Scale (TSCS)* telah diedarkan ke atas 148 orang responden. Secara amnya hasil kajian menunjukkan, tidak terdapat perbezaan signifikan min konsep diri murid lelaki dan murid perempuan pada nilai $t (-.182) = .856, p > .05$. Namun Terdapat hubungan yang signifikan min konsep diri murid bandar dan luar bandar pada nilai $t (5.072) = .000, p < .05$. Dapat dirumuskan bahawa, semua pihak harus terlibat bagi meningkatkan lagi konsep diri murid bandar dan murid luar bandar.



ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN v

ABSTRACTvi

ABSTRAKvii

SENARAI RAJAH..... xiii

SENARAI JADUALxiv

BAB I: PENGENALAN.....1

1.1 Pendahuluan.....1

1.2 Latar Belakang Kajian.....2

1.3 Pendekatan Teori2

1.4 Pernyataan Masalah5

1.5 Kerangka Teori6

1.6 Tujuan Kajian6

1.7 Objektif Kajian7

1.8 Soalan Kajian.....7

1.9 Definisi Operasi8

1.9.1 Definisi Istilah8

1.9.1.1 Konsep Kendiri8

1.9.1.2 Murid8

1.9.1.3 Bandar.....9

1.9.1.4 Luar Bandar9

1.9.2 Definisi Operasional9

1.9.2.1 Konsep Kendiri8

1.9.2.2 Murid10

1.9.2.3 Bandar.....10

1.9.2.4 Luar Bandar10

1.9.3 Definisi Keseluruhan.....10

1.10 Limitasi Kajian11

1.11 Hipotesis Kajian11

1.12 Kepentingan Kajian12

1.13 Rumusan13

BAB II: TINJAUAN LITERATUR.....14

2.1 Pendahuluan14

2.2 Tinjauan Literatur15

2.2.1 Kajian Dalam Negara	15
2.2.2 Kajian Luar Negara	18
2.3 Teori	27
2.3.1 Teori Pemusatan Perorangan	27
2.4 Rumusan	28
 BAB III : METODOLOGI KAJIAN.....	29
3.1 Pendahuluan.....	29
3.2 Kaedah Kajian.....	30
3.2.1 Reka Bentuk Kajian.....	30
3.3 Populasi Dan Persampelan.....	31
3.4 Instrumen Kajian.....	32
3.4.1.Skala Konsep Kendiri	32
3.4.2 Item-Item TSCS.....	32
3.4.3 Skala Skor.....	33
3.4.4 Soal Selik TSCS.....	33
3.5 Prosedur Kajian.....	34
3.6 Analisis Data.....	35

3.7 Jadual Analisis Data.....	36
--------------------------------------	-----------

3.8 Rumusan.....	37
-------------------------	-----------

BAB IV : METODOLOGI KAJIAN.....	38
--	-----------

4.1 Pendahuluan	38
------------------------------	-----------

4.2 Latar Belakang Demografi Responden Kajian.....	39
---	-----------

4.2.1 Jantina Responden	39
--------------------------------------	-----------

4.2.2 Lokasi Responden	40
-------------------------------------	-----------

4.3 Tahap Pembolehkan Kajian Secara Deskriptif	40
---	-----------

4.3.1 Soalan Pertama: Apakah Tahap Peratusan Konsep Kendiri	
--	--

Murid.....	41
-------------------	-----------

4.4 Analisis Deskriptif Min Pembolehkan Kajian Berdasarkan Jantina	
---	--

Dan Lokasi	41
-------------------------	-----------

4.4.1 Soalan Kedua: Apakah Tahap Min Konsep Kendiri	
--	--

Murid Berdasarkan Jantina.....	42
---------------------------------------	-----------

4.4.2 Soalan Ketiga: Apakah Tahap Min Konsep Kendiri Murid	
---	--

Berdasarkan Lokasi.....	42
--------------------------------	-----------

4.5 Perbezaan Min Pembolehkan Kajian Berdasarkan Jantina Dan Lokasi....	43
--	-----------

4.5.1 Soalan Keempat: Adakah Terdapat Perbezaan Konsep Kendiri

Murid Berdasarkan Jantina.....43

4.5.2 Soalan Kelima: Adakah Terdapat Perbezaan Konsep Kendiri

Murid Berdasarkan Lokasi.....44

4.6 Rumusan.....45

BAB V: DAPATAN KAJIAN47

5.1 Pendahuluan47

5.2 Ringkasan Kajian48

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian49

5.4 Implikasi Kajian.....51

5.5 Kesimpulan52

5.6 Cadangan53


5.7 Rumusan.....54

BIBLIOGRAFI.....55

LAMPIRAN57

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1 Kerangka Teori



SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	Skala Likert Dalam Kajian	32
Jadual 3.2	Skor markah dan penilaian konsep sendiri	33
Jadual 3.3	Jadual analisis Data	36
Jadual 4.1	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	39
Jadual 4.2	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Mengikut Lokasi	40
Jadual 4.3	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Mengikut Tahap Konsep Kendiri	41
Jadual 4.4	Perbezaan Min Pembolehubah Berdasarkan Jantina	42
Jadual 4.5	Perbezaan Min Pembolehubah Berdasarkan Lokasi	42
Jadual 4.6	Perbezaan Min Pembolehubah Berdasarkan Jantina	43
Jadual 4.7	Perbezaan Min Pembolehubah Berdasarkan Lokasi	44

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

BAB I

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Pengenalan

1.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan membincangkan perkara-perkara asas yang berkaitan dengan kajian yang meliputi latar belakang kajian, pendekatan teori, pernyataan masalah, tujuan kajian, kesignifikan kajian, definisi pembolehubah kajian dan hipotesis kajian.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Idea kajian ini telah dicetuskan oleh pengkaji yang mengajar di sebuah sekolah luar bandar sekitar Daerah Limbang, Sarawak . Semasa pengkaji melaksanakan Program Kem Pemantapan Akidah Peringkat Daerah Limbang, pengkaji secara tidak langsung melihat gelagat peserta, yang datang dari sekolah luar bandar dan juga peserta yang datang dari bandar sepanjang kem tersebut dilaksanakan.

Selain daripada itu juga, berdasarkan pemerhatian penulis, penulis mendapati terdapat sebahagian kecil pelajar yang bersekolah di tingkatan 1 tidak dapat meneruskan persekolahan kerana tidak mempunyai tahap konsep sendiri tinggi. Terdapat juga murid-murid yang tidak dapat meneruskan pelajaran sehingga habis tingkatan 5.

Oleh yang demikian, pengkaji mendapat idea untuk mengkaji konsep sendiri murid dari bandar dan luar bandar agar segala persoalan terjawab.

1.3 PENDEKATAN TEORI

Menurut Rogers (1951) yang mengemukakan Terapi Pusatan-Klien, beliau berpendapat bahawa konsep sendiri adalah terdiri daripada gabungan di antara penilaian sendiri, penilaian orang lain dan penilaiannya mengenai persepsi orang lain terhadap dirinya. Seseorang individu mempunyai konsep sendiri yang dirinya adalah

seorang yang baik dan bila berada di dalam sesuatu persekitaran, dia dilayan dan diberi perhatian sebagaimana yang sepatutnya diberikan kepada orang baik.

Beliau juga telah melihat sendiri dalam aspek yang lebih mendalam dan luas. Beliau membahagikan sendiri global kepada sendiri sebagai mengetahui dan sendiri sebagai diketahui. Kendiri yang mengetahui aktif memproses pengalaman dan adalah konsep universal di mana semua orang dapat memproses pengalamannya. Kendiri sebagai diketahui pula ialah kandungan apa yang dialaminya dan merupakan konsep yang spesifik kepada individu tersebut. Persepsi individu itu sendiri mengenai dirinya. Penilaian individu akan persepsi orang lain terhadap dirinya dikenali sebagai sendiri. Penilaian orang lain akan diri individu bagi sendiri sebagai diketahui.

Rogers (1985) membahagikannya kepada sendiri sebagai objek iaitu struktur yang bermaksud persepsi individu terhadap dirinya atau imej sendiri dan sendiri sebagai proses iaitu penilaian atau penghargaan individu terhadap kendirinya. Ini seterusnya akan membentuk konsep sendiri yang terdiri daripada kognisi sendiri, sendiri dari aspek orang lain dan sendiri ideal.

William James (1988) Dalam istilah konsep, beliau menyifatkan sendiri sebagai 'saya' dan menegaskan, setiap orang perlu tahu mengenai diri sendiri. Istilah 'saya' ini dapat dilihat daripada pelbagai perspektif yang merangkumi aspek-aspek seperti tubuh badan, pemikiran, pakaian, tempat tinggal, ahli keluarga, rakan-rakan dan segala perkara yang berkaitan dengan diri sendiri. Beliau juga menyatakan, ia adalah suatu pengalaman sosial dengan identiti personal yang bergantung pada perhubungan antara individu dengan orang lain. Pendek kata, ia boleh menjadi hak

peribadi serta menjadi sebahagian daripada diri yang dikenali sebagai konsep sendiri.

Ia adalah identiti diri yang dapat mempengaruhi diri dengan persekitaran sosial secara langsung ataupun tidak langsung. Konsep sendiri setiap individu adalah berbeza dan ia berubah daripada semasa ke semasa. Bugental dan Zelen (1950) serta Gordon (1968) juga menekankan konsep yang sama seperti beliau.

Markus dan Nurius (1986) mencadangkan, konsep sendiri yang berubah-ubah sebenarnya dikenali sebagai *working self-concept*. Ia adalah satu cara mengubah kepada pengalaman atau pun pendedahan baru, respon yang baru dan pencapaian maklumat yang baru iaitu suatu hakikat yang wujud bagi memberi kesan kepada individu dalam pelbagai aspek. Mereka lebih memahami kebaikan dan keburukan sesuatu aktiviti yang dilakukan serta dapat mengubah kelakuan mereka ke arah positif. Konsep sendiri penting kerana ia adalah asas bagi membentuk diri yang baik supaya kita dapat menerima kelebihan dan kelemahan yang ada. Dengan konsep sendiri, seseorang dapat mengawal diri daripada unsur-unsur yang tidak baik serta menunjukkan tingkah laku yang terbaik pada generasi akan datang.

Bagi pengkaji, konsep sendiri juga adalah asas meningkatkan diri bagi menghadapi cabaran hidup. Kesimpulannya, konsep sendiri adalah penerimaan pada diri. Ia berkait rapat dengan perasaan individu pada kebolehan, perkara-perkara yang berlaku dan perkara yang akan berlaku pada dirinya.


Oleh yang demikian, kajian ini memfokuskan konsep sendiri murid sebagai pemboleh ubah besandar dan faktor demografi iaitu jantina dan lokasi sebagai pemboleh ubah tak bersandar.

1.4 PERNYATAAN MASALAH

Konsep sendiri merupakan satu aspek yang penting kepada kewujudan dan tingkah laku seseorang individu . Persepsi terhadap sendiri akan menentukan apa yang seseorang itu alami dan bagaimana ia mengalaminya. Konsep sendiri juga membenarkan seseorang itu menghubungkan dirinya dengan persekitaran dengan cara yang tidak akan menggugat keutuhan peribadinya. Konsep sendiri amat penting kepada remaja kerana mereka akan mengalami peningkatan kekuatan fizikal dan tahap autonomi. Sekiranya mereka mempunyai konsep sendiri yang tidak betul, hal ini amat membahayakan mereka dan orang lain. Mereka mungkin akan melakukan sesuatu perkara diluar norma masyarakat, tiada keyakinan diri , tersisih dan lain-lain (Azizi Yahaya *et al.* 2005).

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi konsep sendiri seseorang. Antaranya ialah faktor persekitaran dan faktor baka. Antara faktor persekitaran itu termasuklah peranan masyarakat, motivasi dan peranan multi media. Bagi murid bandar yang terdedah kepada persekitaran bandar yang sibuk sudah tentu akan mempunyai perbezaan konsep sendiri dengan murid yang berada di luar bandar. Oleh yang demikian, penyelidik ingin mengkaji tahap konsep sendiri murid di sekolah bandar dan sekolah luar bandar berdasarkan dua faktor demografi iaitu jantina dan lokasi. Selain itu penyelidik ingin melihat perbezaan konsep sendiri murid berdasarkan jantina dan lokasi.

1.5 KERANGKA TEORI



Rajah 1.1 : Kerangka Teori

1.6 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat konsep sendiri murid. Di samping itu kajian ini turut bertujuan untuk melihat konsep sendiri murid berdasarkan dua faktor demografi iaitu jantina dan lokasi. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat perbezaan konsep sendiri murid berdasarkan jantina dan lokasi.

1.7 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengukur;

- 1.7.1 Tahap peratusan konsep sendiri murid.
- 1.7.2 Tahap min konsep sendiri murid berdasarkan jantina.
- 1.7.3 Tahap min konsep sendiri murid berdasarkan lokasi.
- 1.7.4 Perbezaan konsep sendiri murid berdasarkan jantina.
- 1.7.5 Perbezaan konsep sendiri murid berdasarkan lokasi.

1.8 SOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian di atas maka kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan kajian berikut;

- 1.8.1 Apakah tahap peratusan konsep sendiri murid?
- 1.8.2 Apakah tahap min konsep sendiri murid berdasarkan jantina?
- 1.8.3 Apakah tahap min konsep sendiri murid berdasarkan lokasi?
- 1.8.4 Adakah terdapat perbezaan konsep sendiri murid berdasarkan jantina?
- 1.8.5 Adakah terdapat perbezaan konsep sendiri murid berdasarkan lokasi?

1.9 DEFINISI OPERASI

1.9.1 DEFINISI ISTILAH

1.9.1.1 KONSEP KENDIRI

Menurut Harter (1983), konsep sendiri ialah agen perkembangan diri individu terutamanya kanak-kanak. Kanak-kanak akan berkembang sebagai objek iaitu merupakan sesuatu yang unik dan boleh diperhatikan tahap perkembangannya. Oleh yang demikian ia memerlukan kerjasama daripada banyak pihak supaya konsep sendiri kanak-kanak berkembang subur secara positif.

1.9.1.2 MURID

Menurut H.M. Arifin (1996), menyebut “murid”, maka yang dimaksud adalah manusia didik sebagai makhluk yang sedang berada dalam proses perkembangan atau pertumbuhan menurut fitrah masing-masing yang memerlukan bimbingan dan pengarahan yang konsisten menuju kearah titik optimal yakni kemampuan fitrahnya.

1.9.1.3 BANDAR

Jabatan Perangkaan (2000), mentakrifkan kawasan bandar sebagai kawasan yang diwartakan serta kawasan tepubina yang bersempadan dengannya dan gabungan kedua-dua kawasan ini yang mempunyai penduduk seramai 10,000 atau lebih semasa Banci Penduduk dan Perumahan 2000.

1.9.1.4 LUAR BANDAR

Jabatan Perangkaan (2000), mentakrifkan kawasan luar bandar kawasan selain bandar dan mempunyai jumlah penduduk kurang daripada 10,000 orang.

1.9.2 DEFINISI OPERASIONAL

1.9.2.1 KONSEP KENDIRI

Sistem yang dipegang dan menjadi rujukan apabila membuat tanggapan dan mengambil tindakan. Sesuatu yang berkaitan dengan diri sendiri, mengenai diri sendiri dan meneroka nilai dan unsur yang terdapat dalam diri.

1.9.2.2 MURID

Murid yang masih belajar di kelas tahun enam sama ada lelaki dan perempuan di bandar dan luar bandar.

1.9.2.3 BANDAR

Bandar ialah sekolah yang berada lingkungan 10 km dari bandar.

1.9.2.4 LUAR BANDAR

Luar Bandar ialah sekolah yang berada lebih dari 10 km dari bandar.

1.9.3 DEFINISI KESELURUHAN

Secara keseluruhan, tajuk kajian “Konsep Kendiri Murid Di Sekolah Bandar Dan Sekolah Luar Bandar, Sekitar Daerah Limbang, Sarawak”, dapat didefinisikan sebagai sesuatu yang berkaitan dengan diri sendiri, mengenai diri sendiri dan meneroka nilai dan unsur yang terdapat dalam diri seseorang individu yang bersekolah di bandar dan luar bandar, sekitar Daerah Limbang, Sarawak.

1.10 LIMITASI KAJIAN

Dalam penyelidikan ini, pengkaji membataskan kajian pada konsep sendiri murid-murid Tahun 6 di beberapa buah sekolah terpilih di Daerah Limbang sahaja. Ia berdasarkan kepada beberapa faktor demografi iaitu jantina dan lokasi.

Populasi kajian ini pula, terhad kepada sekolah-sekolah yang berada dalam Zon A di Daerah Limbang sahaja. Pemilihan zon ini dapat mewakili lokasi bandar dan luar bandar. Di antara sekolah yang berada di bandar ialah Sekolah Kebangsaan Limbang dan Sekolah Kebangsaan Melayu Pusat. Manakala sekolah yang berada di luar bandar ialah Sekolah Kebangsaan Telahak, Sekolah Kebangsaan Tiga Kampung, Sekolah Kebangsaan Gadong, Sekolah Kebangsaan Merambut dan Sekolah Kebangsaan Limpaku Pinang.

1.11 HIPOTESIS KAJIAN

Objektif kajian dan soalan kajian 1 hingga 3 dicapai melalui analisis secara deskriptif. Oleh itu analisis statistik peratusan dan min digunakan untuk mencapai objektif dan soalan kajian berkenaan. Namun demikian objektif dan soalan kajian 4 dan 5 dicapai melalui analisis secara inferensi melalui pengujian hipotesis. Dua hipotesis alternative (H_A) telah dibentuk dalam kajian ini dan akan dianalisis dengan menggunakan Ujian -t.

Ha 1 : Terdapat perbezaan yang signifikan konsep kendiri murid berdasarkan Jantina.

Ha 2 : Terdapat perbezaan yang signifikan konsep kendiri murid berdasarkan lokasi.

1.12 KEPENTINGAN KAJIAN

Adalah amat penting bagi mengetahui tahap konsep kendiri murid dalam kalangan murid-murid Tahun 6. Ini memberikan persiapan kepada murid-murid bagi mempersiapkan diri untuk menempuh alam persekolahan menengah. Ini kerana murid-murid dari luar bandar akan bersekolah ke bandar untuk meneruskan pelajaran ke peringkat sekolah menengah.

Dengan adanya kajian ini, diharapkan guru-guru dan ibu memainkan peranan penting dalam meningkatkan konsep kendiri murid semasa berada di sekolah rendah lagi. Pihak sekolah juga harus membuat pelan tindakan bagi melaksanakan program yang dapat memberi peningkatan kepada konsep kendiri murid.

Diharapkan juga, kajian ini akan dapat menjadi rujukan, untuk kajian yang akan datang serta berguna untuk bidang pendidikan dan bidang-bidang lain.

1.13 RUMUSAN

Dalam bab satu ini, pengkaji lebih memfokuskan terhadap perkara-perkara asas kajian yang perlu dilaksanakan. Antara yang terkandung di dalam bab satu ialah , latar belakang, pengenalan, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kerangka teori, batasan kajian, kepentingan kajian, definisi operasi, dan rumusan. Sebelum melanjutkan kajian ini dengan lebih mendalam lagi, item-item seperti yang dinyatakan tersebut perlu diperincikan terlebih dahulu supaya perkara-perkara yang hendak diselidik atau dikaji dapat dilihat secara jelas bagi keberhasilan kajian ini.

Di samping itu, maklumat seperti inilah yang akan membantu penyelidik dalam melaksanakan kajian bahkan juga ianya dapat membantu pembaca dalam memahami perkara-perkara yang ingin disampaikan oleh penyelidik melalui kajian ini.

BAB II

TINJAUAN LITERATUR

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan membincangkan perkara-perkara asas yang berkaitan dengan kajian yang meliputi tinjauan literatur iaitu kajian dalam Negara dan kajian luar Negara. Selain itu beberapa teori juga akan dibahas bagi menyokong tajuk yang ingin dikaji.